

KEMAHIRAN GENERIK DIKALANGAN PELAJAR IPT : SATU KAJIAN TAHAP KEYAKINAN MERENTAS JANTINA

Norzailawati Mohd Noor^a, Mohamed Sharif Bin Mustafa^b, Firdausi Razali^a dan Meriam Yusoff^a

^aBiro Akademik dan Pembangunan Ilmu

Intituti Pembangunan Felo Universiti Teknologi Malaysia

^bPengetua Kolej Tun Razak

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Skudai Johor

(norzailawati@gmail.com, p-sarif@utm.my)

Abstrak

Artikel ini merupakan satu kajian analisis terhadap keyakinan kemahiran generik dikalangan pelajar tahun dua disalah sebuah kolej kediaman di kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian yang bertujuan untuk melihat perbezaan tahap keyakinan kemahiran generik merentas jantina dilakukan keatas 152 pelajar. Responden ini telah dipilih secara rawak mudah daripada pelbagai jenis program pengajian. Kajian dilakukan secara keadah kuantitatif menggunakan borang soal-selidik dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik inferens iaitu melalui skor min dan ujian-t. Keputusan analisis menunjukkan tahap keyakinan kemahiran generik pelajar adalah ditahap yang tinggi namun hasil daripada ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap keyakinan kemahiran generik merentas jantina sekaligus menyokong hipotesis kajian.

Katakunci: *Kemahiran Generik, Tahap keyakinan, Merentas Jantina*

1. Latarbelakang Kajian

Kemahiran generik secara meluasnya merupakan satu kemahiran yang berkaitan dengan amalan umum manusia selain kemahiran yang melibatkan teknikal. Ia juga turut dihubungkan dengan kuasa intelektual dan imaginasi, kemahiran seseorang untuk memahami dan membuat pertimbangan, menyelesaikan masalah, pemikiran kritis dan satu kemahiran untuk melihat hubungkait (Squires, 1990 dan Ramsden, 1992). Selain itu, ia juga merupakan satu kemahiran yang tidak khusus yang boleh dipelajari melalui semua matapelajaran dengan kaedah interpretasi atau bersepadu (Sharifah, 2001). Diantara contoh kemahiran generik adalah kemahiran seseorang untuk berkomunikasi dengan baik, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran bekerja didalam kumpulan (Ashcroft dan Foreman, 1994; Cribbs et al 1994; Gibbs et al, 1994 dan Blumhof et al, 1996).

Kemahiran generik dikenali juga sebagai *keyskills*, *transferable skills* dan *employability skills*. Kemahiran generik pada konteks ini amat penting kepada para graduan bagi mempersiapkan diri dalam menghadapi alam pekerjaan. Dengan penguasaan kemahiran generik pada tahap yang baik akan meyakinkan bakal-bakal majikan untuk memilih dan mengambil graduan berkenaan. Ini beerti graduan yang mempunyai kecekapan

kemahiran generik merupakan nilai tambah kepada majikan. Jenis –jenis kemahiran generik yang lain termasuklah kemahiran mendapatkan maklumat dan kemahiran metakognitif (Elshout et al, 1997) dan seseorang pelajar turut memerlukan kemahiran generik bagi mengekalkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat (Gergen, 1999).

Pusat pengajian tinggi telah diberi tanggungjawab untuk melahirkan graduan yang berketerampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhlak mulia. Namun begitu sejak kebelakangan ini kerap terdengar keluhan yang mempertikaikan kewibawaan graduan terutama dalam aspek kepimpinan dan jati diri. Keadaan ini mungkin berlaku kerana sepanjang tempoh pengajian mereka hanya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang menjurus kepada kursus atau bidang pilihan masing-masing. Graduan alpa mengenai tanggungjawab terhadap pembangunan diri berhubung dengan kemahiran-kemahiran yang menjadi nilai tambah dalam alam kerjaya masing-masing.

Sehubungan dengan itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menetapkan kemahiran dan nilai yang perlu diterapkan kepada graduannya bagi melengkapi diri ke pasaran pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai 7 elemen yang terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemampuan untuk

menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika atau moral (Buletin P&P, UTM, 2004). Proses pelaksanaannya turut disokong dengan penerapan nilai-nilai kemahiran oleh pihak universiti melalui program-program yang dijalankan.

Sampel 152 responden dari Kolej Tun Dr Ismail telah digunakan dalam kajian ini bagi mengkaji tahap keyakinan kemahiran generik merentas jantina. Tujuh kemahiran generik yang ditetapkan oleh pihak universiti digunakan sebagai pembolehubah utama bagi melihat hubungkait antara jantina dan kemahiran generik yang dikaji.

2. Kemahiran Generik

Kemahiran generik yang digariskan oleh pihak UTM adalah berdasarkan kepada atribut graduannya. Terdapat 7 elemen kemahiran generik yang disasarkan oleh pihak universiti iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, menjadi fleksibel, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan kemahiran etika dan moral. Setiap daripada kemahiran tersebut mempunyai kepentingannya tersendiri iaitu:-

a. Kemahiran Komunikasi

Merupakan kemahiran yang menggabungkan kemampuan graduan untuk bertutur dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ianya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kemahiran secara bertulis dan kemahiran secara lisan. Sehubungan dengan itu pihak UTM juga turut menetapkan ciri-ciri yang perlu dikuasai oleh pelajarnya bagi meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran ini. Selain itu pelajar juga dilihat dari segi kemampuan untuk berbincang dan mencapai persetujuan serta boleh menyampaikan hasil dengan jelas dan yakin. Kemahiran ini amat penting bagi keyakinan diri dan turut memastikan setiap mesej yang disampaikan kepada seseorang dapat difahami oleh penerima (Heskin, 1994).

b. Kemahiran bekerja dalam Kumpulan

Bekerja dalam kumpulan dalam sesebuah organisasi merupakan satu aspek yang sangat penting sekiranya ia mahu mencapai matlamat dengan lebih efisien dan berkesan (Kempt dan Seagraves, 1995). Secara amnya bekerja secara berkumpulan didapati lebih cekap berbanding bekerja secara konvensional. Antara kebaikannya adalah meminimumkan kos, meningkatkan produktiviti, dapat menyumbang lebih banyak idea dan meningkatkan rasa tanggungjawab individu di dalam kumpulan tersebut.

c. Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Masalah berkemungkinan timbul daripada apa sahaja tugas dan projek yang hendak dilaksanakan oleh seseorang dalam pekerjaan mereka. Terdapat beberapa kemahiran generik dan proses yang boleh menyumbang kepada kejayaan dalam menyelesaikan permasalahan tersebut yang mana turut melibatkan penggunaan kemahiran penyelesaian dalam pelbagai cara dan situasi termasuklah pemikiran yang kreatif dalam membuat apa-apa keputusan.

d. Kemahiran Menjadi Fleksibel

Kemahiran fleksibel sering dikaitkan dengan kesanggupan dan juga kesediaan seseorang individu untuk menyesuaikan diri dan dilatih dengan tugas dan kemahiran dalam apa jua keadaan dan teknologi (Oliver, Omari & Mc Loughlin, 1999). Kemahiran ini dikatakan mempunyai tahap yang tinggi berbanding dengan kemahiran yang lain. Ini kerana potensi untuk mendapatkan pekerjaan adalah tinggi. Selain itu juga, ia turut menilai kemampuan seseorang itu untuk bekerja dalam situasi yang berubah dan keupayaan bertoleransi dengan keadaan persekitaran (Briges, 1992).

e. Kemahiran Pembelajaran Sepanjang hayat

Menuntut ilmu yang berterusan atau pembelajaran sepanjang hayat adalah amat diperlukan bagi para graduan. Ini kerana pembelajaran sepanjang hayat ini akan membolehkan seseorang individu itu mencintai dan senantiasia mengaplikasi teori pembelajaran dalam kehidupan mereka. Mereka juga turut berpeluang mempelajari sesuatu yang baru dan boleh melihat sesuatu peristiwa sebagai satu pembelajaran (Bligh, 2000).

f. Kemahiran Keyakinan Diri

Keyakinan diri dirujuk sebagai cara bagaimana seseorang itu berfikir tentang diri mereka. Keyakinan diri merupakan satu faktor penting dalam proses kehidupan seharian. Ia juga penting dalam menentukan kejayaan, kegembiraan dalam hubungan sesama manusia, kerjaya dan pelbagai bidang kehidupan. Namun begitu ramai pendidik berpendapat bahawa pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi biasanya tidak mempunyai kehendak dan kurang mengarah untuk mencapai potensi diri sepenuhnya dalam mencapai kecemerlangan akademik.

g. *Kemahiran Nilai Etika dan Moral*

Nilai etika dan moral merupakan satu nilai yang dilihat dari sudut akhlak, adat atau tingkahlaku yang menjadi pegangan hidup seseorang individu. Kemahiran generik dalam aspek ini penting bagi melahirkan satu masyarakat yang berilmu melalui proses pembentukan moral dan etika yang baik dan terpuji.

3. Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk membantu universiti menyediakan dan mengambil langkah yang perlu untuk melahirkan graduan-graduan yang berkecakupan. Seterusnya dapat membantu pelajar membuat persediaan menghadapi dunia kerjaya sebenar. Bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan, objektif-objektif kajian ini adalah terdiri daripada i) melihat tahap kemahiran generik pelajar di Kolej Tun Dr. Ismail dalam tujuh aspek yang dikodkan seperti yang ditunjukkan di Jadual 1 dan ii) mengenalpasti perbezaan amalan antara tahap kemahiran generik merentas jantina.


Jadual 1: Aspek Kemahiran dan Kod

Bil	Aspek Kemahiran	Kod
1.	Kemahiran berkomunikasi	G1
2.	Kemahiran bekerja dalam kumpulan	G2
3.	Kemahiran menyelesaikan masalah	G3
4.	Kemahiran menjadi fleksibel	G4
5.	Kemahiran Pembelajaran sepanjang hayat	G5
6.	Kemahiran Berkeyakinan Diri	G6
7.	Kemahiran Etika dan Moral	G7

Lapan hipotesis turut dibentuk bagi melihat perbezaan antara kemahiran generik merentas jantina dimana kesemua H_0 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik merentas jantina.

4. Metodologi Kajian

Kaedah kajian dijalankan secara deskriptif tinjauan yang secara amnya sesuai digunakan dalam skop kajian kemahiran generik kerana kecenderungannya bagi mengukur sikap, pendapat dan pencapaian dalam suasana semulajadi (Mohd Najib, 2003). Secara umumnya metodologi kajian adalah seperti rajah 1.



Rajah 1 : Carta alir Metodologi Kajian

Kajian sekunder dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian kemahiran yang boleh membangunkan pembangunan sendiri pelajar samada dari segi kemahiran generik mahupun '*soft skill*' serta hubungannya dari segi jantina. Kerjasama pihak kolej termasuk pengetua, staf dan juga felo turut diminta bagi memudahkan proses edaran borang soal selidik pada peringkat kedua kajian ini.

Kajian tinjauan adalah menggunakan pendekatan kuantitatif melalui borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang ini mempunyai dua bahagian utama iaitu a) Demografi pelajar yang meninjau perkara yang berkaitan dengan latarbelakang pelajar dan soalan demografi seperti jantina, tahun pengajian, jenis kursus, julat purata markah pelajar dan; b) Kemahiran generik yang mengandungi 40 soalan yang berbentuk Skala Likert. Bagi bahagian B, responden dikehendaki menandakan jawapan mereka berdasarkan 5 skala yang telah disediakan dari satu ekstrem ke satu ekstrem yang lain. Berikutan dengan itu, sebanyak 152 set sampel soal selidik digunakan dan di edar secara rawak kepada pelajar tahun dua yang terdiri daripada 26 kursus di Kolej Tun Dr. Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

Terdapat perbezaan analisis bagi setiap bahagian dalam soalan selidik tersebut. Dimana pada bahagian A, analisis kajian bertujuan untuk i) melihat tahap keyakinan kemahiran generik melalui min purata mengikut jantina dan kursus dan; ii) pengukuran tahap keyakinan generik melalui bandingan skor min kemahiran generik merentas jantina. Bagi tujuan analisis, skala Likert yang terdahulu dikategorikan kembali kepada tiga peringkat berdasarkan nilai min antara 1.0 hingga 2.33 sebagai skor rendah, min 2.34 hingga 3.67 sebagai skor sederhana dan 3.68 hingga 5.0 sebagai skor tinggi. Pada bahagian B, analisis secara inferensi t-test digunakan bagi mengukur hipotesis yang dibina bagi melihat perbezaan kemahiran

antara jantina seterusnya membawa kepada hasil kajian.


5. Hasil kajian dan Perbincangan

Hasil kajian adalah berdasarkan analisis data mengikut bahagian dalam borang soal-selidik. Ianya terbahagi kepada dua iaitu hasil analisis deskriptif soal selidik dibahagian A dan hasil analisis inferensi hipotesis dibahagian B seperti yang ditunjukkan di jadual 2.

Jadual 2 : Hasil Kajian berdasarkan bahagian

Bahagian	Hasil Kajian
A	Taburan kekerapan mengikut jantina Taburan kekerapan mengikut kursus Tanggapan tahap keyakinan 7 item kemahiran generik dalam diri. Perbandingan Skor min Kemahiran generik berdasarkan jantina
B	T-test – hubungkait antara jantina dan kemahiran generik.

Dari kajian ini, didapati seramai 51% atau 78 orang pelajar merupakan responden lelaki dan jumlah yang selebihnya adalah perempuan yang terdiri daripada 26 jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti. Analisis yang dijalankan bagi melihat tanggapan pelajar tahap keyakinan 7 item kemahiran generik yang digariskan oleh pihak universiti menunjukkan tahap keyakinan tersebut berada diperingkat yang tinggi namun menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara item kemahiran tersebut berdasarkan jantina seperti yang ditunjukkan di rajah 2.



sebanyak 4.03. Item kemahiran generik yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi adalah kemahiran bekerja didalam kumpulan (G2) yang berjumlah 4.16 dan kemahiran dalam meyakinkan diri sendiri (G6) sebanyak 4.14. Skor min yang paling rendah adalah sebanyak 3.87 dan 3.83 yang mewakili kemahiran menyelesaikan masalah dan menjadi seseorang yang fleksibel dalam menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan. Seterusnya hasil analisis inferensi T-test menunjukkan lekukan negatif terbentuk dengan kesemua hasil t di bawah nilai 1 yang menunjukkan

tiada perbezaan yang signifikan diantara jantina dan kemahiran generik pada 7 item yang terlibat.

Hasil turut menunjukkan skor min kemahiran generik pelajar perempuan adalah lebih tinggi sebanyak 0.04 berbanding skor pelajar lelaki yang berjumlah sebanyak 4.01. Namun begitu, apabila dikaji secara inferensi menggunakan ujian T-test didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi item-item kemahiran generik tersebut.

Secara keseluruhan, hasil yang ditunjukkan telah menjawab persoalan dan hipotesis yang telah dijangkakan pada awal kajian dibuat. Kajian yang dijalankan keatas pelajar tahun dua disalah sebuah kolej kediaman Universiti Teknologi Malaysia menunjukkan ketujuh-tujuh tahap kemahiran generik yang digariskan oleh pihak universiti berada ditahap yang memuaskan, Skor min yang tinggi menunjukkan kebanyakan pelajar berkeupayaan untuk mempersiapkan diri kealam selepas pengajian berdasarkan kepada penilaian-penilaian yang telah dibuat terhadap pernyataan-pernyataan yang terdapat didalam borang soal selidik.

6. Kesimpulan dan Cadangan

Melalui kajian ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa setiap manusia mempunyai kemahiran dan tahap kecerdasan yang berbeza. Setiap orang mempunyai potensi diri yang boleh diperkembangkan melalui usaha memajukan diri mereka sendiri tanpa mengira jantina dan bangsa. Dalam konteks kajian ini, sebagai pelajar mereka perlu lebih bersikap terbuka dan mudah menerima nilai, konsep dan keyakinan baru. Sehubungan dengan itu, maklumat mengenai tahap keyakinan kemahiran generik ini boleh dijadikan tanda aras untuk memastikan universiti serta pusat pengajian yang lain mampu melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran globalisasi tanpa membelakangkan unsur pengukuhan spritual dan adat budaya.

Rujukan

1. A.L. Adibah, Perkaitan Antara Tahap kemahiran Generik dengan Pencapaian Prestasi Pelajar: Kajian Kes Terhadap pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, 2005
2. A. Mohd Shafiee. Metodologi penyelidikan untuk bidang ekonomi dan bidang-bidang berkaitan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995.
3. A. Nurul Afizah. Perkaitan profil kemahiran generik aliran teknikal di Politeknik Malaysia. Tesis Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, Batu Pahat, 2005.

4. A.R. Abdul Aziz. Kemahiran sosial asas. Cetakan Pertama Kuala Lumpur: Utusan Publications.
5. B.P. Squires, Statistics in biomedical manuscripts: what editors want from authors and peer reviewers. Can. Med. Assoc. J. 142:213-214. 1990.
6. D. Bridges, 'Transferable Skills: A Philosophical Perspective', In Studies In Higher Education, Summer 1992
7. E. M. Bridges. Problem-based learning for administrators. ERIC Clearing House. University of Oregon. 1992.
8. G. Cribb, A. Holzl, M. McCarthy, K. McPherson, W. Williams, D. Andrew The use of information technology (IT) for teaching and learning at the University of Queensland: final report. Brisbane, the University of Queensland, 1994
9. G. Gibbs, C. Rust, A. Jenkins & D. Jaques, Developing Students' Transferable Skills. Oxford: The Oxford Centre for Staff Development, 1994.
10. G. Mohd Najib. Penyelidikan pendidikan, Johor; Penerbit Universiti Teknologi Malaysia(1999)
11. H. Hasmiza. Pengintergrasian aspek-aspek kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi program kemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri: satu kajian kes di pusat latihan teknologi tinggi (ADTEC) dari perspektif pengajar: Tesis Sarjana, KUiTTHO, 2004.
12. J. Biggs, Student Approaches to Learning and Studying. Melbourne: Australian Council for Educational Research, 1987.
13. J.Bligh. Problem Based Learning. The Story continues to unfold. Medical Education, 34 pg 688-689, 2000.
14. J. Blumhof, A. Honeybone, D. Pearlman, & K. Pinn, Tackling the problem of skills development in a modular degree programme: the Skillswise Project. In G. Gibbs (Ed.), Improving Student Learning: Using Research to Improve Student Learning (pp. 328-339). Oxford, UK: Oxford Centre for Staff Development, 1996.
15. J.J. Elshout, dan M.V.J. Veenman, "Relation between intellectual ability and working method as predictors of learning" Journal of Educational Research 85: 134-143, 1992.
16. J.W. Best dan J.V. Khan. Research in education. 8th Ed.USA : Ally & Bacon, 1998
17. K. Ashcroft, & L. Foreman-Peck, Managing Teaching and Learning in Further and Higher Education. London, UK: The Falmer Press, 1994.
18. K. Gergen, An Invitation To Social Construction, London: Sage, 1999.
19. K. Heskin. Generic Skills requirement for stakeholders: A Australian Case Study. Association for institutional research. Annual Forum Paper 1994
20. L.Alf dan K.Wilson. first year student's perception of capability, studies in higher Education, Australia, Griffith University, vol.29 no 1, 2004.
21. L. Seagraves, I. Kemp, dan M. Osborne, Are academic outcomes of higher education provision relevant to and deliverable in the workplace setting? Higher Education, 32(2), 157-176, 1996.
22. M. Allen, A conceptual model of transferable personal skills, Sheffield : Employment Department, 1993.
23. M. Havard, M. Hughes dan J. Clarke. The introduction and evaluation of skills in undergraduate course. Journal of further and higher Education, 22(1), 61-688.1998.
24. M.T. Kamarudin. Tahap keyakinan kemahiran generik di kalangan pelajar kolej komuniti KPTM. Tesis Sarjana Universiti Teknologi Malaysia, 2005.
25. N. Mohd Yahya."Isu dan Cabaran dalam penyediaan Tenaga Kerja dalam Era Perubahan Teknologi dan Globalisasi". Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Tun Hussien Onn, Batu Pahat, 2003.
26. N.P Sharifah. Pelaksanaan program sekolah ke kerjaya. Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional Kuala Lumpur, 2001.
27. P. Kearns. Generic Skills for new economy – review of research. NCVER, Adelaide. 2001.
28. P. Ramsden, *Learning and Teaching in Higher Education*. London: Routledge, 1992.
29. Pusat Perkembangan Kurikulum. "Kemahiran Generik", Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.
30. R. Oliver, A. Omari, dan C. McLoughlin, Planning and developing a problem-based learning environment for large on-campus classes using the WWW. In G. Cumming, T. Okamoto and L. Gomez (eds.) Advanced Research in Computers and Communications in Education. Proceedings of ICCE99. Amsterdam: IOS Press, 720-727, 1999
31. S.J Sharifah Noor Anita. Penguasaan kemahiran generik dalam memenuhi kehendak pasaran kerja: Kajian di kalangan pelajar semester akhir diploma kejuruteraan di politeknik Port Dickson. Tesis Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, Batu Pahat, 2002.